PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN
ARAS 3, ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500
03-88803900
Faks : 03-88884522
03-88803799
*Laman Web : http://www.kehakiman.gov.my*

*Ruj Tuan* :
( 14 ) PKP/PSM/(S) 199 Jilid 13
*Ruj. Kami* :

*Tarikh* : 14 Jun 2011

**SENARAI SEPERTI EDARAN**

Y. Bhg. Dato'/Y. Bhg. Datin/ Tuan/ Puan,

**KRITERIA TAMBAHAN BAGI URUSAN PEMANGKUAN DAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN YANG LEBIH TINGGI DI PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah membuat satu ketetapan dimana bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi bagi jawatan Pegawai Undang-Undang yang pernah atau sedang melaksanakan tugas-tugas sebagai **Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret hendaklah memberi keputusan kes setelah perbicaraan tamat tidak lewat daripada empat (4) minggu mulai dari keputusan kes itu ditangguhkan, berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bil 1/2004 dan menyiapkan semua alasan penghakiman sebelum lapan (8) minggu mulai dari tarikh notis rayuan difailkan** selain syarat asas yang telah ditetapkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 7 Tahun 2010 iaitu :-

2.1 disahkan dalam perkhidmatan;

2.2 mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

2.3 diperakukan oleh Ketua jabatan;

2.4 bebas dari hukuman tatatertib;

2.5 telah mengisytiharkan harta secara *Online (HRMIS)*;

2.6 lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan

2.7 bebas daripada disenarai sebagai peminjam pendidikan tegar dari mana-mana Institusi pinjaman pendidikan.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**( DATO HASHIM BIN HAMZAH )**
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
**PUTRAJAYA.**

Sk:-

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
**PUTRAJAYA.**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
**SARAWAK**

**SENARAI EDARAN**

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamahkamah Persekutuan Malaysia
**PUTRAJAYA.**
( Puan adalah diminta memaklumkan kepada pegawai-pegawai dibawah penyeliaan puan berhubung perkara di atas. )

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
**PUTRAJAYA**
( Puan adalah diminta memaklumkan kepada pegawai-pegawai dibawah penyeliaan puan berhubung perkara di atas.)

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
**PUTRAJAYA**
( Y. Bhg. Dato adalah diminta memaklumkan kepada pegawai-pegawai dibawah penyeliaan Y. Bhg. Dato' berhubung perkara di atas.)

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
**SARAWAK**
( Tuan adalah diminta memaklumkan kepada pegawai-pegawai dibawah tuan penyeliaan tuan )

**Pengarah Mahkamah Negeri**
( Y. Bhg. Datin/Tuan/Puan adalah diminta memaklumkan kepada pegawai-pegawai dibawah penyeliaan Y. Bhg. Datin/Tuan/Puan berhubung perkara di atas. )